

**PANDANGAN HUKUM SYARAK:
PENGEKALAN PELAKSANAAN KEPUTUSAN
FATWA HUKUM AGIHAN ZAKAT DALAM
BENTUK MANFAAT DAN SUMBER
PEMBIAYAAN PENGURUSANNYA**

Mesyyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali Ke-4/2021 yang bersidang pada 8 Muharram 1443H bersamaan 17 Ogos 2021 telah memutuskan bahawa:-

Mesyyuarat bersetuju untuk mengekalkan keputusan Mesyyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor yang telah diwartakan pada 2 Februari 2012 iaitu Sumber pembiayaan kos-kos agihan zakat secara manfaat hendaklah diambil berdasarkan kepada dana asnaf tersebut diagihkan. Mesyyuarat juga bersetuju sebagaimana berikut:

- a) Sumber Pembayaran Emolumen Kakitangan di Sektor Pembangunan Sosial, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) Pembayaran gaji kakitangan di Sektor Pembangunan Sosial, MAIS hendaklah dibayar menggunakan sumber asnaf Muallaf dan Riqab berdasarkan keputusan Mesyyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor berkaitan 'Hukum Agihan Zakat Dalam Bentuk Manfaat Dan Sumber Pembiayaan Pengurusannya' pada 2 Februari 2012.

- b) Sumber Pembayaran Emolumen Pegawai Lembaga Zakat Selangor (LZS) Yang Menerima Arahan Berpindah Ke Pusat Kebajikan Atau Perlindungan

Pegawai LZS yang dipindahkan ke pusat kebajikan atau perlindungan di bawah pengurusan LZS hendaklah dibayar emolumen mereka melalui sumber dana asnaf yang digunakan untuk membiayai kos pengurusan pusat kebajikan dan perlindungan tersebut.


- c) Sumber Pembayaran Emolumen Pegawai Lembaga Zakat Selangor (LZS) Yang Menerima Arahan Berpindah Daripada Pusat Kebajikan atau Perlindungan Ke LZS

Pegawai LZS yang dipindahkan daripada pusat kebajikan atau perlindungan ke LZS hendaklah dibayar emolumen mereka melalui sumber dana amil.

- d) Penetapan Tugas Kakitangan Di Lembaga Zakat Selangor (LZS) Yang Menerima Pembayaran Emolumen Melalui Sumber Dana Amil Atau Dana Selain Amil.

Pihak LZS perlu memastikan penetapan tugas kakitangan yang dilantik adalah bertepatan dengan sumber pembiayaan emolumen pegawai berkenaan. Penetapan tugas kakitangan tersebut adalah sebagaimana berikut:

- i. Pegawai LZS yang dilantik untuk bertugas di ibu pejabat atau cawangan LZS dan pembayaran emolumen mereka adalah menggunakan dana amil, pegawai berkenaan boleh diberikan segala tugas-tugas amil merangkumi tugas kutipan, agihan atau apa-apa tugas pentadbiran berkaitan LZS.
- ii. Pegawai LZS yang dilantik untuk bertugas di ibu pejabat atau cawangan LZS dan pembayaran emolumen mereka adalah menggunakan dana selain amil, sebagai contoh muallaf pegawai berkenaan hanya boleh diberikan tugas-tugas amil yang berkaitan asnaf muallaf sahaja.
- iii. Pegawai LZS yang dilantik untuk bertugas di pusat kebajikan atau perlindungan di bawah pengurusan LZS dan pembayaran emolumen mereka adalah menggunakan dana asnaf selain amil, pegawai berkenaan mestilah diberikan tugas khusus berkaitan pengurusan pusat kebajikan atau perlindungan berkenaan atau berkaitan asnaf yang berkenaan sahaja.

A decorative geometric pattern consisting of repeating star and floral motifs in a light gray color, covering the top portion of the page.

Status: Tidak Warta

DATO' DR. HAJI ANHAR BIN HAJI OPIR

Pengerusi Jawatankuasa Fatwa Selangor



LAIN-LAIN